

Kampus bebas denggi

► KKU1B adakan gotong royong perdana

4B 28.2.2019 B2



KOTA KINABALU: Kolej Kediaman Usia 1Borneo (KKU1B) mengadakan gotong royong perdana dengan tema 'Sayangi Kolejku, Kampus Harmoni Bebas Denggi' pada 17 Februari 2019 bermula jam 7 pagi hingga 11 pagi.

Gotong royong perdana dikendalikan oleh Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) KKU1B bersama penghuni KKU1B.

Aktiviti gotong royong dimulakan dengan taklimat yang disampaikan oleh Pengetua KKU1B Dr Freddie



RESIDEN KKU1B merakam gambar beramai-ramai.

Robinson, diikuti dengan acara senamrobik.

Selepas itu, video tentang nyamuk Aedes ditayangkan untuk memberikan kesedaran mengenai bahayanya nyamuk Aedes dan denggi sekiranya tidak dicegah.

Setelah pengagihan makanan dijalankan, pelajar dibenarkan balik ke rumah


masing-masing untuk melakukan aktiviti gotong royong.

Jakmas, felo dan sekretariat KKU1B bersama-sama membersihkan dan menghias ruang belajar aras 5. Aktiviti gotong royong diakhiri dengan penilaian rumah dan selesai pada jam 11 pagi.

Timbalan Naib Canselor

(Gambar kanan)
SENAMROBIK diadakan sebelum acara gotong royong.

(HEPA) Prof. Dr. Ismail Ali menyifatkan aktiviti ini amatlah bermanfaat bukan sahaja kepada diri pelajar itu sendiri malah keadaan persekitaran kolej dan tempat belajar kelihatan kemas, bersih dan bebas dari denggi.



PELAJAR berkumpul mendengar taklimat gotong royong KKU1B.

